

04 JAN 2001

Melayu-Reaksi

PELBAGAI PIHAK SOKONG PERBINCANGAN PENYATUAN MELAYU

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Pemimpin pelbagai pertubuhan Melayu dan tokoh politik hari ini menyokong penuh usaha Umno menggerakkan perbincangan perpaduan Melayu dengan harapan usaha itu dijalankan secara ikhlas demi kepentingan bangsa dan bukan untuk kepentingan parti semata-mata.

Kebanyakan pemimpin yang dihubungi berpendapat usaha penyatuan itu perlu diadakan segera bagi menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan orang Melayu yang dikatakan semakin meruncing.

Jawatankuasa Pengurusan Umno semalam mengesyorkan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengadakan pertemuan penyatuan orang Melayu dengan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor dan Presiden Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Datuk Suhaimi Ibrahim berkata, usaha permulaan oleh Umno untuk mengadakan perbincangan itu perlu dilihat dari aspek positif.

"Kita gembira dengan perkembangan ini dan patut menjadikan semangat bulan Syawal sebagai permulaan ke arah penyatuan orang Melayu," katanya.

Katanya, cadangan mengadakan perbincangan itu membuka ruang kepada ketiga-tiga parti politik -- Umno, Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) -- bersemuka untuk mencari penyatuan yang akan menguntungkan orang Melayu.

Beliau berharap perbincangan diadakan dalam suasana harmoni dan terbuka seperti bertolak ansur dan menghormati pandangan setiap parti.

Katanya, pendapat pihak tertentu yang mendakwa perbincangan itu hanya menguntungkan Umno merupakan pandangan "jumud" dan perlu diketepikan.

Veteran Umno Tan Sri Aishah Ghani yang mengalu-alukan cadangan berkenaan berpendapat semua parti terbabit perlu ikhlas untuk mengadakan perbincangan dengan mengenyampingkan perbezaan politik masing-masing.

"Kalau masing-masing tidak ikhlas, perbincangan tidak akan berhasil dan untuk mencapai kata sepakat, jangan menimbulkan isu yang boleh menanamkan rasa benci," kata beliau yang merasakan perpecahan di kalangan orang Melayu ketika ini sangat serius.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) turut menyokong penuh kesediaan ketiga-tiga parti berunding bagi membina perpaduan orang Melayu yang merupakan teras integrasi nasional melibatkan kaum Cina dan India.

Presidennya Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata kesatuan politik negara dan perpaduan kaum akan terjejas apabila kesatuan Melayu berpecah.

"ABIM berpandangan bahawa politik orang Melayu sudah sampai ke tahap yang kritikal sehingga terlalu banyak masa ditumpukan kepada menangani isu politik berbanding masalah pembangunan dan mempersiapkan umat menghadapi cabaran globalisasi," katanya.

Katanya, keputusan pilihan raya umum 1999 dan pilihan raya kecil kemudiannya membuktikan krisis politik orang Melayu belum menunjukkan tanda akan berakhir dan usaha formula politik yang dipersetujui semua pihak perlu diadakan.

Pengarah eksekutif Institut Kajian Dasar, Khalid Jaafar pula berkata, sebarang usaha menyatupadukan semula bangsa Melayu tidak boleh mengenyampingkan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita tidak boleh melihat Anwar sebagai individu tetapi melihatnya sebagai kekuatan moral yang ada bersamanya serta kekuatan politik di belakang beliau," katanya yang juga bekas Setiausaha Akhbar Anwar.

Sementara itu Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) Saifuddin Abdullah mencadangkan Umno, Pas dan Keadilan mengisytiharkan "gencatan" tuduh-menuduh dan serang menyerang antara satu sama lain.

Walaupun ceramah politik boleh diteruskan namun parti terbabit perlu menghormati tempoh gencatan itu, katanya.

Katanya, dengan cara itu semua pihak tidak lagi terdedah dengan isu-isu yang menimbulkan perpecahan.

-- BERNAMA

RZS AHH ZB